



LIMA kru warga asing tanpa dokumen perjalanan diri yang sah didapati mengendalikan bot nelayan tempatan.

HAL 16/12/2022 Hs : 2


Bot tempatan dikendalikan kru warga asing

Georgetown: Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan dikendalikan lima kru warga Myanmar yang tiada sebarang dokumen perjalanan diri di kedudukan 62 batu nautika barat Pulau Kendi, dekat sini, kelmarin.

Pengaruhnya Kapten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, kapal ronda APMM yang sedang melaksanakan Op Tanjung mengesan sebuah bot nelayan kelas C2 sedang menangkap ikan menggunakan pukat tunda dalam keadaan mencurigakan pada 9.13 pagi.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot yang berpangkalan di Pantai Remis, Perak itu dikendalikan lima kru pendatang asing berusia antara 20 dan 43 tahun."

"Semua lelaki itu ditanah kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 iaitu tiada permit mengajikan warga asing da-



Hasil pemeriksaan mendapati bot yang berpangkalan di Pantai Remis, Perak itu dikendalikan lima kru pendatang asing berusia antara 20 dan 43 tahun"

Abd Razak

ripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia serta tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan diri yang sah," katanya, semalam.

Abd Razak berkata, bot bersama lima lelaki itu serta hasil laut sebanyak 150 kilogram dibawa ke Jeti Limbongan Batu Maung untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat APMM untuk siasatan lanjut dan pihaknya memberi amaran kepada komuniti nelayan terutama pemilik bot agar mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.



BOT yang berpangkalan di Pantai Remis yang dikendalikan lima kru pendatang asing.